

20 APR 2003

Muhammad-Hadi

HADI DIMINTA AKUI PERJUANGAN UMNO BERTERASKAN ISLAM

ALOR GAJAH, 20 April (Bernama) -- Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini diminta mengakui bahawa perjuangan Umno berteraskan perjuangan Islam sebenar sama ada dari segi dasar dalaman atau luar negaranya.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhamad Taib semasa membuat gesaan itu berkata Menteri Besar Terengganu itu sudah mengakui bahawa kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyelamatkan maruah negara daripada dinodai dan ia adalah realiti perjuangan pemimpin Islam.

" Jika Hadi sendiri selaku pemimpin PAS mengakui Dr Mahathir selaku Presiden Umno melaksanakan tugas yang betul mengenai pendirian dasar luar Malaysia, saya fikir soal dalaman lebih kurang sama juga.

"Hadi jangan sokong separuh, yang separuh lagi tak sokong .. sebenarnya apa dalam hati dia (Hadi) ialah mengakui perjuangan Umno adalah mengikut lunas Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Alor Gajah di Masjid Tanah di sini hari ini. .

Beliau berkata mengulas laporan akhbar hari ini bahawa Abdul Hadi dalam satu temuramah, menyatakan rasa kagum beliau dengan ketegasan Perdana Menteri mempertahankan dasar luar negara, malah beliau sanggup mempertahankan Perdana Menteri jika kuasa asing cuba mencampuri urusan dalaman negara.

Muhammad meminta semua anggota PAS berfikir semula hasrat menentang Umno dalam perjuangan politik sebaliknya bersatu dalam satu pertubuhan yang kuat iaitu Umno.

Beliau berkata untuk perpaduan, bangsa Melayu adalah lebih baik berada dalam satu parti daripada berpecah antara Umno dengan PAS.

Muhammad juga yakin Umno akan mencapai kemenangan yang lebih besar pada pilihan raya yang akan datang kerana majoriti rakyat hari ini percaya hanya Umno dan Barisan Nasional (BN) yang boleh mentadbir negara.

-- BERNAMA

NO RON